



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PRESTASI PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT, MALAYSIA, FEBRUARI 2025

**Perdagangan borong & runcit Malaysia merekodkan jualan bernilai
RM148.3 bilion, bertumbuh 5.1 peratus pada Februari 2025**

PUTRAJAYA, 11 APRIL 2025 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) hari ini mengeluarkan laporan **PRESTASI PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT, FEBRUARI 2025**. Perdagangan borong & runcit mencatatkan jumlah jualan sebanyak RM148.3 bilion pada Februari, merekodkan pertumbuhan 5.1 peratus tahun ke tahun.

Dalam satu kenyataan hari ini, Dato' Sri Dr. Mohd. Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Peningkatan jualan bagi Februari didorong terutamanya oleh subsektor Perdagangan runcit dan Perdagangan borong. Perdagangan runcit mencatatkan jumlah jualan sebanyak RM65.2 bilion, peningkatan RM3.6 bilion dengan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 5.9 peratus. Perdagangan borong pula mencatatkan jumlah jualan RM65.5 bilion, meningkat RM3.3 bilion, dengan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak

5.3 peratus. Pada tempoh yang sama, subsektor Kenderaan bermotor merekodkan jualan berjumlah RM17.6 bilion, peningkatan RM0.3 bilion atau 1.5 peratus tahun ke tahun.”

Mengulas lanjut, Dato’ Sri Dr. Mohd. Uzir Mahidin menekankan bahawa pertumbuhan dalam subsektor Perdagangan runcit disokong oleh prestasi kukuh pelbagai kategori. Jualan runcit di kedai bukan pengkhususan meningkat 5.9 peratus kepada RM25.0 bilion, manakala Jualan runcit di kedai pengkhususan mencatatkan pertumbuhan 5.5 peratus, mencapai RM13.8 bilion pada Februari 2025. Pada masa yang sama, Jualan runcit barangan isi rumah meningkat 4.6 peratus kepada RM7.4 bilion, sebahagian besarnya disumbangkan oleh peningkatan permintaan terhadap bahan binaan dan produk perkakasan. Peningkatan dalam aktiviti runcit ini disokong oleh pembelian barangan keperluan menjelang Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri. Selain itu, Jualan runcit barangan kesenian & rekreasi meningkat 8.6 peratus kepada RM2.9 bilion. Pertumbuhan ini didorong oleh perbelanjaan yang lebih tinggi bagi kelengkapan persekolahan sempena sesi akademik baharu yang bermula pada pertengahan Februari.

Pada Februari 2025, subsektor Perdagangan borong terus kukuh, disokong oleh permintaan domestik yang berterusan terhadap barangan keperluan dan produk berkaitan isi rumah. Menurut Ketua Perangkawan, pertumbuhan dalam segmen ini disokong oleh Lain-lain pengkhususan jualan borong, yang meningkat sebanyak 3.7 peratus kepada RM24.6 bilion, terutamanya disumbangkan oleh permintaan yang lebih tinggi terhadap bahan perkakasan. Bahan-bahan ini lazimnya digunakan oleh isi rumah untuk mengubahsuai dan menghias semula kediaman sebagai persediaan menyambut musim perayaan. Jualan borong makanan, minuman & tembakau turut mencatatkan peningkatan sebanyak 6.3 peratus tahun ke tahun kepada RM13.3 bilion. Pertumbuhan ini disokong oleh perbelanjaan pengguna yang lebih tinggi terhadap produk berkaitan makanan

menjelang Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri. Sementara itu, Jualan borong barangan isi rumah berkembang 5.1 peratus kepada RM13.7 bilion, didorong oleh peningkatan permintaan terhadap pakaian, barang kemas dan produk berkaitan farmasi, sekali gus mencerminkan sentimen pengguna yang positif menjelang sambutan perayaan.

Dalam tempoh yang sama, subsektor Kenderaan bermotor mencatatkan peningkatan jualan berbanding Februari tahun lalu, disokong oleh Jualan komponen & aksesori kenderaan bermotor yang meningkat 2.7 peratus kepada RM5.0 bilion. Ini diikuti oleh Jualan, penyelenggaraan & pembaikan motosikal yang bertumbuh 8.2 peratus kepada RM1.2 bilion. Jualan kenderaan bermotor turut menyumbang kepada kenaikan dalam kumpulan ini dengan peningkatan positif 0.2 peratus kepada RM8.9 bilion. Trend yang sama turut dilaporkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) yang mencatatkan 67,327 pendaftaran kenderaan, meningkat berbanding 66,935 pendaftaran pada bulan yang sama setahun yang lalu.

Jualan runcit dalam talian pada Februari menunjukkan peningkatan dengan indeks meningkat 8.5 peratus tahun ke tahun, disumbangkan oleh pelbagai promosi sempena perayaan dan juga persediaan persekolahan. Selepas pelarasan musim, indeks mencatatkan penurunan -2.1 peratus bulan ke bulan.

Dari segi indeks volum, Perdagangan borong & runcit mencatatkan peningkatan 3.9 peratus tahun ke tahun. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh subsektor Perdagangan borong yang meningkat 4.9 peratus, diikuti oleh Perdagangan runcit yang mencatatkan peningkatan 4.3 peratus. Sebaliknya, Kenderaan bermotor mencatatkan penurunan -0.8 peratus pada bulan ini. Selepas pelarasan musim, indeks volum mencatatkan peningkatan bulanan 1.8 peratus berbanding Januari 2025.


Sektor Perdagangan borong & runcit Malaysia mencatatkan prestasi yang lebih baik pada Februari 2025, disokong oleh pertumbuhan positif yang berterusan dalam subsektor Perdagangan borong dan Perdagangan runcit. Subsektor Kenderaan bermotor turut mencatatkan pemulihan pada bulan ini, selepas mengalami penyusutan pada bulan sebelumnya. Sektor ini dijangka akan mengekalkan momentum pertumbuhannya, didorong oleh penggunaan domestik yang stabil dan perbelanjaan bermusim sempena perayaan. Sentimen pengguna yang positif yang berterusan juga dijangka akan mengukuhkan prospek sektor ini dalam masa terdekat.

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema *'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'*.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Carta 1: Nilai Jualan Perdagangan Borong & Runcit




Carta 2: Nilai Jualan Perdagangan Borong




Carta 3: Nilai Jualan Perdagangan Runcit



Carta 4: Nilai Jualan Kenderaan Bermotor



Carta 5: Indeks Jualan Runcit Dalam Talian



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
11 APRIL 2025

MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514, Federal Territory Putrajaya
Telephone no. : 03 - 8090 4681

PERFORMANCE OF WHOLESALE & RETAIL TRADE, MALAYSIA, FEBRUARY 2025

***Malaysia's Wholesale & retail trade records RM148.3 billion in sales,
reflecting 5.1 per cent growth in February 2025***

PUTRAJAYA, APRIL 11, 2025 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) today released the ***PERFORMANCE OF WHOLESALE & RETAIL TRADE, FEBRUARY 2025*** report. Wholesale & retail trade recorded total sales of RM148.3 billion in February, marking a year-on-year growth of 5.1 per cent.

In a statement today, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said, "The increase in sales for February was mainly driven by the Retail trade and Wholesale trade sub-sectors. Retail trade recorded total sales of RM65.2 billion, an increase of RM3.6 billion with a year-on-year growth of 5.9 per cent. Wholesale trade registered total sales of RM65.5 billion, an increase of RM3.3 billion, with a year-on-year growth of 5.3 per cent. During the same period, Motor vehicles sub-sector recorded sales amounting to RM17.6 billion, an increase of RM0.3 billion or 1.5 per cent year-on-year."

In further detail, Dato' Sri Dr. Mohd. Uzir Mahidin highlighted that the growth in the Retail trade sub-sector was primarily driven by robust performance across various categories. Retail sales in non-specialised stores increased by 5.9 per cent to RM25.0 billion, while Retail sales in specialised stores saw a growth of 5.5 per cent, reaching RM13.8 billion in February 2025. Additionally, Retail sales of household goods rose by 4.6 per cent to RM7.4 billion, with the growth largely attributed to increased demand for building materials and hardware products. The surge in retail activities can be largely explained by pre-Ramadan and Hari Raya Aidilfitri purchases of essential items. Moreover, Retail sales of cultural & recreational goods increased by 8.6 per cent, reaching RM2.9 billion. This growth was driven by heightened spending on school supplies ahead of the new academic session, which began in mid-February.

In February 2025, the Wholesale trade sub-sector continued to display strong resilience, underpinned by sustained domestic demand for essential goods and household-related products. According to Chief Statistician, growth in the segment was particularly driven by Other specialised wholesale trade, which increased by 3.7 per cent to RM24.6 billion, mainly attributed to higher demand for hardware materials. These materials were commonly used by households for furnishing and redecorating homes in anticipation of the upcoming festive season. Wholesale of food, beverages & tobacco also increased in this month with 6.3 per cent year-on-year to RM13.3 billion. This growth was largely supported by stronger consumer spending on food-related products in preparation for Ramadan and Hari Raya Aidilfitri. Meanwhile, Wholesale of household goods expanded by 5.1 per cent to RM13.7 billion, driven by increased demand for clothing, jewellery, and pharmacy-related items, further reflecting positive consumer sentiment ahead of festive celebrations.

During the same period, Motor Vehicles sub-sector recorded an increase in sales

compared to February last year, supported by Sales of motor vehicle parts & accessories, which rose by 2.7 per cent to RM5.0 billion. This was followed by Sales, maintenance & repair of motorcycles, which grew by 8.2 per cent to RM1.2 billion. Sales of motor vehicles also contributed to the rise in this group, with a positive increase of 0.2 per cent to RM8.9 billion. A similar trend was also reported by the Road Transport Department (JPJ), which recorded 67,327 vehicle registrations, a slight increase compared to 66,935 registrations in the same month of the previous year.

Online retail sales in February showed an increase, with the index rose by 8.5 per cent year-on-year, driven by various festive promotions and back-to-school preparations. After seasonal adjustment, the index recorded a month-on-month decline of -2.1 per cent.

In terms of volume index, Wholesale & Retail Trade recorded a year-on-year increase of 3.9 per cent. This growth was mainly driven by the Wholesale trade sub-sector, which rose by 4.9 per cent, followed by Retail Trade with a 4.3 per cent increase. In contrast, the Motor Vehicles sub-sector recorded a decline of -0.8 per cent. After seasonal adjustment, the volume index posted a month-on-month increase of 1.8 per cent compared to January 2025.

Malaysia's Wholesale & retail trade sector posted improved performance in February 2025, underpinned by sustained positive growth in the Wholesale trade and Retail trade sub-sectors. The Motor vehicles sub-sector also rebounded during the month, recovering from a contraction in the previous period. Looking ahead, the sector is expected to sustain its growth momentum, supported by stable domestic consumption and seasonal festive spending. Continued positive consumer sentiment is also anticipated to reinforce the sector's outlook in the near term.

ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aim to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life.' Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20 October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Chart 1: Sales Value of Wholesale & Retail Trade




Chart 2: Sales Value of Wholesale Trade




Chart 3: Sales Value of Retail Trade




Chart 4: Sales Value of Motor Vehicles





Chart 5: Index of Online Retail Sales



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
11 APRIL 2025**